



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 26/2020 dari 21 Jun hingga 27 Jun 2020)

Situasi kes Demam Denggi pada minggu ke-26 terus menunjukkan peningkatan berterusan dengan sebanyak 2,120 kes dilaporkan berbanding 1,760 kes pada minggu sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 360 kes (20.5%). Sebanyak dua (2) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-26. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 54,391 kes berbanding 62,421 kes bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan 12.9% (8,030 kes) manakala jumlah kumulatif kematian adalah sebanyak 92 kematian berbanding 93 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 (**Lampiran A & C**).

Pada minggu ke-26 ini, jumlah kes mingguan Demam Denggi menunjukkan peningkatan ketara dan berada di atas graf kes mingguan Demam Denggi tahun 2019 dan kes median untuk 5 tahun bagi 2015 hingga 2019 (**Lampiran B**). Situasi ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak dan langkah secara proaktif perlu segera diambil untuk meningkatkan aktiviti pembersihan persekitaran dari tempat pembiakan nyamuk Aedes. Lokaliti hotspot denggi juga meningkat sebanyak 1 lokaliti menjadikan 100 lokaliti hotspot pada minggu ke-26. Sebanyak 55.0% atau 55 lokaliti hotspot dari keseluruhan 100 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti 26 lokaliti hotspot (26.0%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, lapan (8) lokaliti hotspot di Negeri Sembilan (8.0%), enam (6) lokaliti hotspot di Perak (6.0%), masing-masing dua (2) lokaliti hotspot di Pulau Pinang (2.0%) dan

Kelantan (2.0%), serta satu (1) lokaliti hotspot di Melaka (1.0%) (**Lampiran B & D**).

Jangkitan Chikungunya pula melaporkan sebanyak 181 kes baru pada minggu ke-26 dengan majoriti kes iaitu 107 dilaporkan dari Negeri Pulau Pinang, sebanyak 70 kes dari Negeri Perak dan empat (4) kes dari Negeri Kelantan. Secara keseluruhan, sebanyak 61 lokaliti wabak aktif Chikungunya masih dalam pemantauan iaitu 41 lokaliti wabak di Negeri Pulau Pinang, 18 lokaliti di Negeri Perak serta dua (2) lokaliti di Negeri Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 1,172 (**Lampiran E**). Bagi surveilans Zika, sebanyak 875 sampel darah dan 15 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Kes mingguan Demam Denggi telah meningkat secara berterusan sejak 11 minggu lepas iaitu bermula pertengahan April yang lalu. Peningkatan ini menyamai tren pada tahun-tahun sebelumnya yang berlaku dari bulan Jun sehingga September. Oleh itu, seluruh lapisan masyarakat perlu bersedia dan meningkatkan kesiapsiagaan dalam menghadapi gelombang kedua wabak denggi yang akan berlaku. Tingkatkan aktiviti pembersihan persekitaran di kawasan kediaman serta di persekitaran tempat kerja serta sekolah. Komuniti di kawasan kejiranan boleh melaksanakan gotong-royong pembersihan tempat pembiakan Aedes di kawasan taman permainan atau tanah lot kosong berhampiran kediaman, namun dengan mengamalkan norma baharu iaitu penjarakan sosial sesama individu.


Sempena sesi persekolahan yang bakal dibuka sepenuhnya bermula 15 Julai nanti, pihak sekolah perlu memastikan segala tempat pembiakan Aedes di persekitaran sekolah dihapuskan di samping melakukan semburan aerosol pada hari pertama sebelum ruang-ruang di sekolah dimasuki oleh pelajar, guru dan warga sekolah lain. Bagi mendapatkan berbagai informasi mengenai status wabak denggi di kediaman, masyarakat boleh memuat turun aplikasi di portal iDengue versi 3.0 untuk komuniti di laman sesawang

<http://idengue.arasm.gov.my>. Jangan selesa, Aedes tidak mengenal mangsa.


Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.




DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
6 Julai 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 25 dan ke- 26 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 26 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke- 26 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 26/2020
(21 Jun hingga 27 Jun 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 26/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 26/2019	
		Minggu Epid 26 (21 Jun – 27 Jun 2020)		Minggu Epid 25 (14 Jun – 20 Jun 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	2	0	33	0	219	0
2	Kedah	26	0	35	0	493	0	1,006	2
3	P. Pinang	40	0	31	0	481	1	3,037	8
4	Perak	56	0	37	0	1,979	3	1,630	2
5	Selangor	867	0	722	1	30,131	29	35,544	30
6	WP KL & Putrajaya	369	1	397	0	6,102	6	7,248	4
7	N. Sembilan	82	0	58	1	1,498	6	1,228	6
8	Melaka	85	0	67	0	1,255	5	1,044	5
9	Johor	301	1	189	0	5,107	20	5,142	15
10	Pahang	80	0	76	0	1,478	4	725	4
11	Terengganu	11	0	11	0	222	0	342	1
12	Kelantan	106	0	58	0	1,929	4	1,747	3
13	Sarawak	20	0	28	0	1,113	2	888	0
14	Sabah	73	0	49	0	2,565	12	2,599	13
15	WP Labuan	0	0	0	0	5	0	22	0
	MALAYSIA	2,120	2	1,760	2	54,391	92	62,421	93

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 26/2020
(21 Jun hingga 27 Jun 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	141	202
2	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres E : Jln 19/24 - 19/31)	35	89
3	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	22	83
4	SELANGOR	Sepang	Cyberia Smarhome	75	79
5	WPKL	Titivangsa	Sek 1 W/Maju Blok F	34	75
6	SELANGOR	Petaling	Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b)	11	75
7	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel A	31	73
8	SELANGOR	H/Langat	Jln Tkp 10-20 Tmn Kantan Permai	31	73
9	WPKL	Cheras	Vista Tasik	70	70
10	SELANGOR	Petaling	Pst Bdr Puchong (Jln Wawasan 2)	14	68
11	SELANGOR	H/Langat	Jalan Hentian 2-6 Hentian Kajang	23	67
12	SELANGOR	Klang	Apartment Sri Ayu Bandar Putera	22	67
13	SELANGOR	H/Langat	Jln 5c/5-5c/11 Dan Jalan 5d Tmn Langat Jaya	24	64
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	19	61
15	SELANGOR	Klang	Bandar Putera 1 (02)	43	61
16	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel C	23	59
17	PERAK	Kinta	Kg Simee	20	59
18	SELANGOR	Klang	Bandar Puteri 03	10	57
19	SELANGOR	Klang	Bandar Puteri 06	14	55
20	PERAK	Kinta	K/B Pasir Pinji	25	55
21	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Teres A : Jln 8/1 - 8/13)	27	54
22	N SEMBILAN	Seremban	Garden City Homes	12	54
23	WPKL	L/Pantai	Desa Sri Puteri (Blok D, E, F)	8	53
24	SELANGOR	Petaling	Sek 13 (P/puri Brunnsfield Riverview)	21	53
25	WPKL	Titivangsa	Kem Wardieburn (Blok G)	37	52
26	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Sri Kembangan	10	52
27	N SEMBILAN	Seremban	Taman Matahari Height	16	52

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
28	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 3 (Jln 18/30-18/44 & 18/46)	7	51
29	SELANGOR	H/Langat	Jln Dagang 1/1-1/11 Tmn Dagang	16	50
30	SELANGOR	Petaling	Seksyen U3 (Pangsapuri Daisy B : Blok 3 - 8)	23	48
31	SELANGOR	H/Langat	Appt Taman Kajang Mulia	14	48
32	WPKL	Putrajaya	Presint 9 - Fasa 3	12	47
33	SELANGOR	Klang	Apartment Impian Sentosa	32	47
34	N SEMBILAN	Seremban	Taman Bukit Kepayang Fasa 3	13	47
35	SELANGOR	H/Langat	Appt Sri Bayu Taman Kema Cahaya	7	46
36	SELANGOR	Petaling	Sek U3 (Sbg Perdana Teres B : Jln Sp 2/1 -16)	10	46
37	WPKL	Cheras	Kuarters Guru, Bdr Sri Permaisuri	22	45
38	SELANGOR	Petaling	Tmn Tasik Prima 4	14	45
39	SELANGOR	H/Langat	Evergreen Park Acorn & Hazel Bdr Sg Long	16	45
40	P PINANG	T/Laut	Taman Air Itam	10	45
41	N SEMBILAN	Seremban	Bandar Seremban Selatan Fasa 3a (Jln. 3/3)	18	45
42	N SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Flora	10	45
43	MELAKA	M/Tengah	Kg Bukit Pulau	17	45
44	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel B	10	44
45	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 19 (1)	8	44
46	SELANGOR	Petaling	Sek 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	12	41
47	WPKL	L/Pantai	Central Residence	9	40
48	SELANGOR	H/Selangor	Lokaliti 2 Bdr Baru Btg Kali	11	40
49	SELANGOR	H/Selangor	Apt Anggerik Tbr Bb	14	40
50	SELANGOR	Klang	Kampung Idaman 02	8	40
51	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/D Bandar Bukit Mahkota	8	40
52	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Kgsaas : Jln 13/2-13/10f)	10	40
53	SELANGOR	Klang	Ambang Botanik 05	10	40
54	SELANGOR	H/Langat	Kampung Batu 13 Kajang	9	40
55	KELANTAN	Tumpat	Jln Masjid Khairiah Kg Baru Pasir Pekan	18	40
56	KELANTAN	K/Bharu	Pasir Lada	22	40
57	WPKL	Cheras	Ppr Sri Alam A (Blok 1 - Blok 5)	10	39

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
58	WPKL	L/Pantai	Pearl Point Kondo	10	39
59	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Jaya 7 (Pkns Blok 1 -11)	16	39
60	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong (Vista Prima)	11	39
61	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	13	39
62	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 16	17	39
63	N SEMBILAN	Seremban	Garden Avenue	4	39
64	WPKL	L/Pantai	Ppr Pantai Ria	14	38
65	SELANGOR	Petaling	Sek U2 Teres B (Jln U2/2- U2/13)	5	38
66	WPKL	Cheras	Ppr Sri Alam C (Blok 10 - Blok 12)	11	37
67	WPKL	Titivangsa	Qrts Kakitangan Awam Jln Cochrane	11	37
68	WPKL	Cheras	Flat Taman Mulia (Blok C,D,E,F)	6	37
69	WPKL	Kepong	Melur Apartment	5	37
70	SELANGOR	H/Langkat	Jln Pahlawan 2,4,6,8,10,12,14,16,18&20 Bmc	10	37
71	PERAK	Kinta	Kg Bercham	9	37
72	WPKL	L/Pantai	Tiara Mutiara Service Apartment	15	36
73	SELANGOR	Petaling	Sek 18 (Teres C : Jalan 18/16 - 18/18)	4	36
74	WPKL	Cheras	Flat Sri Melaka B (Blok 24-40)	8	35
75	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	13	35
76	SELANGOR	Petaling	Bt 3 (Suria Appt Tmn Bukit Pelangi)	8	35
77	WPKL	L/Pantai	Appt Delima	33	34
78	WPKL	Cheras	Sri Mas Kondo	7	34
79	WPKL	Titivangsa	Tmn Desa Setapak (Jln 1/27b - 14/27b)	11	34
80	WPKL	Kepong	Sri Putramas 1 (Blok A,B,C,D,E)	6	34
81	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 5c	7	34
82	PERAK	Kinta	Teluk Kurin B	7	34
83	WPKL	L/Pantai	Kuarters Ktmb (Blok 2,4, 6, 8)	8	33
84	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Raya (Jln Sr 7)	14	33
85	N SEMBILAN	Seremban	Pusat Komersial Oakland(Jalan 4)	8	33
86	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo/Condo Perdana Selatan)	7	32
87	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 6 Kompleks Kediaman Kastam	5	32

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
88	SELANGOR	H/Langat	Pkns Kpg Sungai Ramal Luar	6	32
89	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Pipit (Koi Kinrara Condo)	6	32
90	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 2 (Ken Damansara Kondo 1)	6	32
91	P PINANG	T/Laut	Desa Baiduri	8	32
92	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Jelapang Jaya	6	32
93	WPKL	L/Pantai	Tmn Sri Petaling H1-Jln Wan Empuk & 1-2,Sbhg Jln Wan Sendari, Malini,Pikrama)	5	31
94	WPKL	L/Pantai	P/puri Bukit Awansari (Og Courp Kondo)	15	31
95	SELANGOR	H/Langat	Jln Harmoni 11,13-24 Tmn Harmoni Semenyih	6	31
96	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 1 (Flat Bkt Puchong)	9	31
97	SELANGOR	Klang	Taman Seri Sementa 02	6	31
98	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 2 (Casa Damansara)	9	31
99	PERAK	Kinta	Pekan Razaki	8	31
100	N SEMBILAN	Seremban	Bandar Seremban Selatan Fasa 1	6	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU 26/2020 (27 Jun 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	-	-	-
2	Kedah	Baling Kota Setar Kuala Muda Kulim Pendang Sik Yan	1 1 3 1 2 2 1	11
3	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Tengah	45 352 7	404
4	Perak	Batang Padang Hulu Perak Kampar Kerian Kinta Kuala Kangsar Larut, Matang & Selama Manjung Muallim	60 2 160 1 343 20 110 13 1	710
5	Selangor	Klang Petaling	1 2	3
6	WPKL & P	Kepong	1	1
7	N. Sembilan	-	-	-
8	Melaka	-	-	-
9	Johor	-	-	-
10	Pahang	Bera	1	1
11	Terengganu	-	-	-
12	Kelantan	Bachok Kota Bharu Kuala Krai Machang Tanah Merah Tumpat	5 24 1 1 2 8	41
13	Sarawak	-	-	-
14	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
15	WP Labuan	-	-	-
JUMLAH KUMULATIF			1,172	

